

JITRA, 18 APRIL (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENEGUR SIKAP SETENGAH USAHAWAN DAN AHLI PERNIAGAAN BUMIPUTERA YANG LEBIH BERLAGAK DARIPADA MENJALANKAN PERNIAGAAN DENGAN SERIUS.

KATANYA GULUNGAN TERSEBUT LEBIH MENGUTAMAKAN KESELESAAN DIRI SENDIRI DARIPADA MEMAJUKAN PERNIAGAAN MEREKA DENGAN BERLAGAK SEBAGAI SEORANG AHLI PERNIAGAAN YANG TELAH MAJU.

BERUCAP DI UPACARA MELETAK BATU ASAS BANGUNAN UMNO BAHAGIAN KUBANG PASU BERNAGGA LEBIH \$1.5 JUTA DI SINI HARI INI, TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA USAHAWAN DAN AHLI PERNIAGAAN SEUMPAMA ITU TIDAK AKAN KEKAL LAMA DALAM BIDANG PERNIAGAAN.

KATANYA, APABILA MENCEBURKAN DIRI DALAM DUNIA PERNIAGAAN MEREKA LEBIH MEMENTINGKAN PEJABAT YANG SELESA DENGAN PERMAIDANI YANG MAHAL DAN KERETA +MERCEDES+.

GULUNGAN ITU TIDAK MEMENTINGKAN KEMAJUAN PERNIAGAAN MEREKA DAN AKAN GULUNG +TIKAR DAN PERMAIDANI+ ENAM BULAN ATAU SETAHUN KEMUDIAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA SATU LAGI GULUNGAN PENJAJA BUMIPUTERA TIDAK LANGSUNG MENGAMBIL BERAT TENTANG PERNIAGAAN MEREKA, BAHKAN MENGUPAH ORANG LAIN MENGURUSKANNYA.

MAHATHIR & JITRA

PENIAGA SEPERTI ITU JUGA TIDAK AKAN KEKAL LAMA KERANA MEREKA SENDIRI TIDAK MENUMPUKAN SEPENUH PERATIEN TERHADAP PERNIAGAAN DAN TIDAK TAHU LANGSUNG TENTANG URUSAN PERNIAGAAN HARIAN.

BELIAU KEMUDIAN MENASIHATKAN KAUM BUMIPUTRA SUPAYA JANGAN MEMPUNYAI SIFAT MALU UNTUK DUDUK DALAM KEDAJ DAN MENGURUSKAN PERNIAGAAN MEREKA SENDIRI SEPERTI KAUM-KAUM LAIN YANG TELAH BERJAYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SUNGGUHPUN RINTANGAN DAN HALANGAN DALAM BIDANG EKONOMI LEBIH BESAR TETAPI IA AKAN DAPAT DIATASI JIKA BENAR-BENAR BERUSAHA DAN MEMPUNYAI SIKAP DAN SEMANGAT UNTUK MENCAPAI KEJAYAAN.

KAUM BUMIPUTERA JUGA PERLU MEMAHAMI SELUK BELOK PERNIAGAAN DAN MEMPUNYAI PENGALAMAN DAN PENGETAHUAN SEBELUM MENCEBURKAN DIRI DALAM PERNIAGAAN.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN MELALUI EJENSI-EJENSINYA SEPERTI MARA DAN UDA AKAN TERUS BERUSAHA MENDEPAKATKAN TEMPAT YANG SESUAI UNTUK MEMBOLEHKAN KAUM BUMIPUTERA BERNIAGA.

TETAPI, USAHA TERSEBUT NANYA AKAN MENJADI SIA-SIA SAHAJA JIKA BUMIPUTERA SENDIRI TIDAK BERSUNGGUH-SUNGGUH MENGURUSKAN PERNIAGAAN MEREKA, KATANYA. —BERNAMA 1558/MK